

## **Memperkasa Sektor Pertanian**

**oleh Dr Zulkiply Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Pada satu ketika pertanian merupakan satu sektor terpenting di dalam ekonomi negara. Ianya bukan sahaja penyumbang terbesar pekerjaan kepada penduduk, malahan turut merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan negara. Malaysia mempunyai tanah yang subur sesuai untuk kebanyakan tanaman tropika. Justeru, Malaysia turut menjadi mangsa kepada dasar *mercantalisme* penjajah di dalam usaha merebut kekayaan sumber negara. Malaysia telah dijajah berabad-abad dan hasil kekayaan negara dikaut.

Namun tidak di nafi kehadiran penjajah juga turut menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian. Tanaman baru seperti getah dan kelapa sawit diperkenalkan. Kaedah pertanian moden diperkenalkan. Banyak ladang-ladang dibuka selepas hasil hutan dieksplotasi. Pembukaan ladang-ladang oleh penjajah pada peringkat awal menggalakkan migrasi buruh dari luar negara. Pada masa yang sama kewujudan ladang-ladang komersial tersebut juga turut membantu membangunkan sektor pertanian tradisi secara kecil-kecilan, secara langsung atau tidak langsung.

Amalan pertanian yang baik dengan teknik-teknik moden turut diterapkan ke dalam sektor pekebun kecil. Tidak ketinggalan banyak ladang-ladang asing dibeli oleh syarikat tempatan, terutama oleh syarikat milik kerajaan. Ladang-ladang baru turut diceburi oleh rakyat tempatan. Pada masa yang sama, banyak ladang-ladang baru dibuka oleh agensi-agensi pembangunan wilayah di dalam usaha kerajaan untuk mencipta peluang pekerjaan kepada rakyat sekali gus membantu membasmi kemiskinan.

Selari dengan pertumbuhan sektor pengeluaran komoditi pertanian, banyak agensi-agensi berkaitan pembangunan pertanian telah tumbuh dengan pesat. Ini termasuk

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

agensi-agensi yang berkaitan dengan penyelidikan dan pendidikan. Penubuhan Kolej Pertanian dan Institut Pertanian bukan sahaja berjaya mendidik pekerja-pekerja mahir dan separa mahir di dalam sektor pertanian, malah turut melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkaliber. Kepentingan institusi-institusi pendidikan pertanian ini turut melihat Kolej Pertanian di naiktarafkan kepada sebuah universiti, iaitu Universiti Pertanian Malaysia yang kini hanya tinggal namanya di dalam lipatan sejarah.

Kini kepentingan sektor pertanian dari segi sumbangan kepada pendapatan negara telah menurun, diambil alih oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pada tahun 2015, sektor perkhidmatan menyumbangkan 53.5 peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Diikuti oleh sektor pembuatan dengan sumbangan 23.0 peratus dan sektor pertanian hanya menyumbang sebanyak 8.8 peratus. Perkembangan ini adalah selari dengan arah aliran negara-negara maju di dunia.

Namun begitu, sektor pertanian masih merupakan penyumbang kepada punca pendapatan yang penting terutama untuk golongan Bumiputra di luar bandar. Pertanian tradisi secara kecil-kecilan masih merupakan aktiviti utama di luar bandar. Mungkin sesetengah dari mereka merupakan petani sambilan untuk menampung pendapatan isi rumah yang juga kebanyakannya berada di bawah purata nasional.

Keadaan seperti ini juga baik untuk melangsungkan kewujudan sektor pertanian. Jika tidak, akan berlaku ketidakseimbangan di dalam kegunaan tanah. Mungkin banyak tanah-tanah pertanian akan ditinggalkan tanpa diusahakan. Ini bermakna sumber negara tidak dioptimumkan. Maka wujud suatu dilema di mana pertanian masih penting dari segi menyerap guna tenaga negara dan membantu mengoptimumkan kegunaan sumber, namun kebanyakan petani-petani tersebut masih merupakan golongan yang miskin.

Dua isu penting perlu ditangani di dalam konteks ini untuk mengoptimumkan kegunaan sumber negara. Pertama, kegunaan tanah pertanian adalah di bawah potensi sebenar berdasarkan amalan pertanian secara tradisi yang kurang mengambil berat tentang amalan pertanian yang baik. Kedua, pekerja-pekerja di dalam sektor ini tidak melibatkan pekerja mahir yang bersesuaian, cuma semata-mata terdiri dari petani secara terpaksa kerana tiada pekerjaan lain.

Jika kedua-dua isu ini dapat ditangani, sudah tentu sumbangan sektor pertanian kepada pendapatan negara mampu ditingkatkan. Secara ringkas, nilai tambah sektor pertanian dapat dimaksimumkan dengan cara mengoptimumkan kegunaan tanah pertanian dan penglibatan yang bererti di dalam industri hiliran sektor pertanian. Kesan langsung yang dapat dilihat adalah pengurangan tanah pertanian yang terbiar dan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berasaskan pertanian.

Untuk merealisasikan hasrat ini, suatu pendekatan di mana pertanian sebagai pekerjaan pilihan perlu diterapkan di kalangan masyarakat, bukan sekadar pilihan terakhir kerana tiada pekerjaan lain. Ini bermakna, aktiviti pertanian dijalankan dengan lebih serius berdasarkan ilmu-ilmu yang bersesuaian. Pendekatan ini memberi erti penglibatan pekerja mahir di dalam sektor pertanian.

Dari sudut pengeluaran, petani perlu mengamalkan kaedah pertanian dan pengurusan pertanian yang baik untuk memaksimumkan keuntungan. Dengan ini aktiviti pertanian dijalankan sebagai suatu perniagaan. Segala aspek teknikal seperti agronomi, pengurusan dan perniagaan tani perlu dititikberatkan. Dengan ini aktiviti pertanian akan berpindah dari status pertanian tradisi kepada satu pekerjaan yang lebih sistematik.

Kesinambungan daripada aktiviti pengeluaran pertanian ini adalah penglibatan di dalam industri hiliran terutama di kalangan PKS, yang mampu menjana nilai tambah yang tinggi. Pertumbuhan industri hiliran, seterusnya menjamin permintaan yang berterusan untuk komoditi pertanian.

Pertumbuhan sektor pertanian secara komprehensif begini memerlukan penglibatan para pekerja mahir dan profesional yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan tinggi pertanian, dari peringkat institut hingga ke peringkat universiti. Para graduan pertanian ini perlu digalakkan untuk bekerja sendiri menjalankan usaha pertanian sebagai suatu perniagaan. Sebagai perintis, dasar yang sesuai perlu diwujudkan untuk menggalakkan para graduan yang berkaitan dengan pengajian pertanian bekerja sendiri. Ini adalah jalan ke hadapan ke arah pencapaian taraf sebagai sebuah negara maju.

